

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Amali Kerja Bata 8815/3 mengandungi satu soalan sahaja. Calon dikehendaki menyiapkan projek dalam masa 3 jam.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi keseluruhan calon adalah baik. Semua calon berjaya menyiapkan projek ujian dalam jangka masa yang diperuntukkan. Walau bagaimana pun ada sebilangan kecil calon yang tidak berjaya memperolehi markah yang tinggi kerana tidak memahami kehendak soalan.

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Calon dapat mentafsir gambar rajah dan menyiapkan projek dengan cepat dan tepat. Mereka membuat kerja dengan teliti dan memberi perhatian kepada perkara yang penting seperti ketegakan, jajaran dan aras. Calon juga menggunakan sepenuhnya peralatan kerja bagi mendapatkan hasil kerja yang tepat.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon lambat memulakan kerja kerana mengambil masa yang lama bagi mentafsir gambar rajah. Mereka juga didapati tidak menggunakan sepenuhnya peralatan kerja bagi mendapatkan ketepatan kerja.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon dari kumpulan ini didapati banyak melakukan kesalahan kerja seperti tidak menggunakan tolok bagi mendapatkan keseragaman lapisan, tidak menyemak kelurusan tembok, aras dan jajaran.

PRESTASI TERPERINCI

Majoriti calon dapat menyiapkan projek dalam masa yang ditetapkan dengan memenuhi kriteria pemarkahan merangkumi ketegakan, jajaran, kepersegian, tolok, aras, hujung bertangga dan kebersihan.

Terdapat segelintir calon tidak menggunakan peralatan yang betul semasa kerja. Ini menyebabkan hasil kerja mereka tidak pugak, jajar, aras bersih dan kemas.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon hendaklah sentiasa mengamalkan penggunaan peralatan kerja seperti alat aras spirit; tolok lapisan dan tali semasa bekerja.
2. Calon hendaklah sentiasa mengamalkan prinsip menyiapkan kerja mengikut masa bagi memastikan mereka dapat menyiapkan kerja dalam masa yang ditetapkan dalam peperiksaan.

SARANAN KEPADA GURU

1. Sentiasa beri penekanan berkaitan dengan penggunaan alat yang betul semasa kerja kepada calon.
2. Guru hendaklah memastikan calon tahu mentafsir gambar rajah/pelan bagi mengelakkan calon mengambil masa yang lama bagi memahami gambar rajah semasa peperiksaan.